

25 MAY 1998

Suriname-Perdagangan

M'SIA, SURINAME TANDATANGAN PERJANJIAN PERDAGANGAN

KUALA LUMPUR, 25 Mei (Bernama) -- Malaysia dan Suriname hari ini melahirkan kesediaan mereka untuk memperluaskan hubungan perdagangan dengan menandatangani satu perjanjian perdagangan sempena lawatan Presiden Suriname Jules Wijdenbosch ke negara ini.

Perjanjian itu ditandatangani sebelum mesyuarat delegasi antara kedua-dua negara yang masing-masing diketuai Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Wijdenbosch.

Pemangku Menteri Luar dan Menteri Pertahanan Datuk Seri Syed Hamid Albar menandatangani perjanjian itu bagi pihak kerajaan Malaysia manakala Suriname diwakili Menteri Luarnya Eroll G. Snijders.

Ketika bercakap dengan pemberita selepas rundingan itu, Syed Hamid berkata Malaysia bersedia untuk berkongsi pengalamannya dalam membantu membangunkan ekonomi Suriname.

"Antara bidang yang boleh diterokai ialah kerjasama dalam sektor pertanian terutama perladangan kelapa sawit dan akuakultur," katanya.

Beliau berkata negara Amerika Selatan itu berminat untuk menarik pelabur Malaysia menanam modal di negara itu.

Syed Hamid berkata Suriname dianugerahi dengan hutan belantara dan sumber galian seperti bauksit dan emas.

Tahun lepas Malaysia mengeksport produk bernilai RM1.7 juta dan mengimport barangan bernilai RM300,000 dari negara itu.

Katanya Dr Mahathir berkata Malaysia boleh dijadikan contoh bagaimana pembangunan dapat dilaksanakan dalam sebuah masyarakat pelbagai bangsa.

Wijdenbosch memulakan lawatan negara selama dua hari ke Malaysia hari ini.

-- BERNAMA

MAM AKD